

Risau air naik rumah setiap kali hujan lebat

➔ Saiz longkang kecil, cetek antara punca berlaku banjir kilat

Oleh Mohd Shukor Amin
bhnews@bh.com.my

► **Sabak Bernam**

Setiap kali hujan lebat, penduduk Taman Seri Dua, Sungai Besar, di sini, menjadi bimbang, berikutan banjir kilat yang melanda kawasan itu sejak

empat tahun lalu.

Seorang penduduk, Ahmad Shamsi Seri, 62, berkata apabila hujan lebat, air tidak dapat mengalir dengan sempurna sehingga menyebabkan banjir kilat di taman perumahan itu ekoran longkang yang tersumbat kerana dipenuhi sampah disebabkan tidak diselenggara dengan sempurna.



[FOTO MOHD SHUKOR AMIN/BH]

Sebahagian mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan banjir di Dewan Parit Baru, Sabak Bernam sejak Isnin lalu.

“Apabila hujan lebat, pastinya longkang di kawasan perumahan ini akan dipenuhi air yang melimpah memasuki rumah penduduk.

Longkang dipenuhi air

“Saiz longkang yang kecil serta cetek turut menyumbang kepada kejadian banjir kilat itu,” katanya.

Ahmad Shamsi berkata, beliau sudah membuat laporan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) daerah bagi menangani permasalahan itu namun sehingga kini belum nampak tindakan diambil.

“Saya akui ada pemantauan oleh MDSB serta JPS, namun ia hanya

dilakukan selepas banjir kilat menyebabkan keadaan sebenar tidak diketahui serta tiada usaha daripada pihak berkenaan untuk menyelesaikan masalah itu.

“Saya mohon MDSB mengganti longkang di kawasan kritikal berhampiran rumah saya supaya perkara ini tidak terus berulang,” katanya.